

**SOALAN NO.: 328**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**SOALAN :**

**YB Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk membentuk semula Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen melalui penggubalan undang-undang baru supaya dasar dan hal-ehwal parlimen bebas daripada campur tangan badan eksekutif memandangkan semua kakitangan yang berkhidmat di Parlimen sekarang adalah dikawal oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Parlimen yang dimansuhkan pada tahun 1992 dibuat untuk memberi ruang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen untuk mengembangkan kerjaya masing-masing dengan lebih luas lagi. Oleh itu, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 tidak akan dipertimbangkan buat masa ini. Namun kajian mendalam mengenai akta ini akan dipertimbangkan mengikut keperluan dari semasa-semasa.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN ( 329 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING  
[ KULAI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membantu pembeli rumah Taman Permata Impian yang sudah terbengkalai selama 12 tahun untuk mendapat balik wang mereka, seperti yang dijanji dalam satu mesyuarat yang di pengerusi oleh Jabatan Perumahan Negara pada 4.3.2015.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Taman Permata Impian, Kulaijaya, Johor (TPI) dimajukan oleh Syarikat Pemaju Renewed Global Sdn. Bhd. sejak daripada tahun 2003. Komposisi projek mengandungi 284 unit rumah kedai dua tingkat (RK2T) di mana 194 unit RK2T tersebut telah terjual.

Memandangkan projek ini adalah di atas tanah kategori komersil, pemajuan projek ini adalah di bawah pihak Majlis Perbandaran Kulai dan tidak perlu dilesenkan dibawah Akta 118 yang ditadbir urus oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Temaptan (KPKT).

Walau bagaimanapun, KPKT telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan antara semua pihak yang berkaitan untuk menyelesaikan isu tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015